



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

RUJ. KAMI (Our Ref.) : UMK.A13.600-4/2/8 (2)

TARIKH (Date) : 19 JUN 2022

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan,

KEBENARAN MENJALANKAN PROGRAM PELAJAR DALAM ENTERPRAIS (SIEP)

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Universiti Malaysia Kelantan (UMK) adalah merupakan sebuah universiti awam berteraskan keusahawanan dan justeru itu, bagi melengkapkan ilmu keusahawanan dalam kalangan pelajar UMK, satu program akademik yang bertajuk *Student in Enterprise Program* (SIEP) telah diwujudkan. Program SIEP ini adalah bertujuan memberi pendedahan kepada setiap pelajar UMK tentang dunia keusahawanan melalui aktiviti di luar kuliah melalui kaedah kerja di lapangan bagi mendalami pengetahuan alam perniagaan dan perdagangan yang sebenar.

3. Sehubungan dengan itu, bersama ini ingin saya mengesahkan bahawa pembawa surat ini merupakan pelajar Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi, UMK yang akan menjalani latihan /program SIEP di tempat/premis tuan/puan. Saya berharap agar pihak tuan/puan bersetuju untuk menerima kedatangan pelajar ini ke premis perniagaan tuan/puan bagi menjalani latihan selama tempoh 4 minggu.

4. Segala kerjasama dan kesudian dari pihak tuan/puan mengenai perkara di atas amat saya hargai dan didahului dengan ucapan ribuan ucapan terima kasih. Adalah diharapkan pihak tuan/puan dapat memberikan kerjasama dalam usaha menjayakan program keusahawanan ini.

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"
"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah

PROF. MADYA DR. MUHAMMAD AZWADI BIN SULAIMAN
Dekan
Fakulti Biokejuruteraan dan Teknologi
Universiti Malaysia Kelantan